

U4U4

UB492 A A B
CHOGM - SEKITAR

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- SIDANG PUNCAK KOMANWEL YANG BERMULA DISINI RABU INI AKAN BERUSAHA MEMASTIKAN AGAR NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TIDAK TERLALU DIBEBANKAN DALAM USAHA DUNIA UNTUK MEMELIHARA ALAMSEKITAR, KATA PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR HAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERSOALAN ALAM SEKITAR ADALAH ANTARA BEBERAPA ISU DALAM AGENDA MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) YANG AKAN DIPENGERUSIKAN OLEH DATUK SERI DR HAHATHIR.

KATANYA, MASALAH PENCEMARAN ALAM SEKITAR DIHADAPI OLEH SEMUA NEGARA TERMASUK NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN YANG MUNGKIN DIMINTA MENANGGUNG +BEBAN+ DALAM MEMASTIKAN KEADAAN ALAM SEKITAR BERSIH.

+KITA PERLU MEMASTIKAN BAHAWA DALAM USAHA UNTUK MEMELIHARA KEADAAN ALAMSEKITAR, NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN TIDAK TERLALU DIBEBANKAN,+ BELIAU MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI, TEMPATAKAN BERLANGSUNGNYA CHOGM.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENGUMUMKAN BARU-BARU INI BAHAWA MALAYSIA AKAN MENDRAF +DEKLARASI LANGKAWI+ MENGENAI ALAM SEKITAR UNTUK DISAHKAN PADA MESYUARAT ITU. KEPULAUAN LANGKAWI AKAN MENJADI PERENTIAN TRADISIONAL BAGI KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL. -- LAGI
1610MST 16 10 89

0407

U 8495 AAB
CHOGM - SEKITAR 2 KUALA LUMPUR

DEKLARASI ITU AKAN MEMASTIKAN AGAR PENILAIAN BARAT TIDAK DIPAKSA KE ATAS NEGARA-NEGARA KETIGA. SEKRETARIAT KOMANWEL JUGA TELAH MENYEDIAKAN DEKLARASI DRAFNYA MENGENAI ALAM SEKITAR YANG MENIMBANGKAN BEBERAPA PANDANGAN DARI BEBERAPA NEGARA ANGGOTA.

KETIKA MENJAWAB SATU SOALAN, DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENUDUH NEGARA-NEGARA MAJU SEBAGAI NEGARA-NEGARA YANG MENYEBABKAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR.

+BAGAIMANAPUN NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUNLAH YANG KINI DIBERITAHU SUPAYA MENGHENTIKAN PENEBAHAN POKOK, BERHENTI DARIPADA MENANAM POKOK GETAH DAN KELAPA SAWIT,+ TEGASNYA.+

+SAYA FIKIR ITU TIDAK ADIL. KAMI PERLU MEMBANGUNKAN NEGARA-NEGARA KAMI UNTUK MEMBERI RAKYAT KAMI KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK LAGISELESA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA MASALAH PENCEMARAN ALAM SEKITAR BUKAN SEMATA-MATAURUSAN NEGARA-NEGARA MAJU. NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN JUGA SUATU MASA KELAK AKAN MERANA SEPERTI NEGARA-NEGARA MAJU SEKIRANYA KITA TIDAK MEMELIHARAALAM SEKITAR DUNIA MULAI SEKARANG,+ TEGASNYA.

BAGAIMANAPUN TEKANAN YANG WUJUD SEKARANG IALAH SEOLAH-OLAH NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUNLAH YANG HARUS MENYUMBANG KE ARAH MEMASTIKAN AGAR SISTEM EKOLOGIKAL DUNIA TIDAK TERGUGAT.

+SEKIRANYA KITA MAHU BERCAKAP BENAR, NEGARA-NEGARA MAJULAH YANG TELAH MENCEMARKAN ALAM SEKITAR SEPERTI MELALUI PENYEBARAN GAS-GAS BERBAHAYA,+ KATANYA. -- LAGI

1615MST 16 10 89

D411

UB498 A A B
CHOGM - SEKITAR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGAMEMPERSOALKAN TINDAKAN-TINDAKAN BARAT
SEPERTI MENYEDUT AIR DARIPADA PERUT BUMI SEPERTI YANG DILAKUKAN DI
PADANG PASIR DI CALIFORNIA SEMATA-MATA UNTUK MEMBANGUNKAN SEBUAH
PADANG GOLF DAN MEWUJUDKAN TASIK BAGI HOTEL MEWAH SEDANGKAN AIR
TERSEBUT SEPATUTNYA DIGUNAKAN UNTUK MEMULIHKAN PADANG PASIRTERSEBUT
DENGAN PELBAGAI TANAMAN.

KATANYA, TIDAK PERLU BAGI PENEANGAN POKOK DI HUTAN-HUTANDI
NEGARA-NEGARA BERIKLIM SEDERHANA (TEMPERATE) UNTUK DITANAM DENGAN
+RAPESEED+ DAN POKOK BUNGA MATAHARI KERANA MALAYSIA DAN
NEGARA-NEGARA JIRANYA MAMPUMENGELUARKAN MINYAK SAYURAN YANG
MENCUKUPI UNTUK SELURUH DUNIA.

KETIKA MENJAWAB SATU SOALAN LAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR
BERKATA, MALAYSIA SEJAK DULULAGI MENENTANG EKSPLOITASI BENUA
ANTARTIKA BAGI MENDAPATKAN SUMBERMINYAK DAN GALIAN DAN MENGGESA
BENUA ITU DIISYTIHARKAN +MILIK SEJAGAT+ DAN BUKAN HANYA DIKHAASKAN
KEPADA BEBERAPA NEGARA YANG MENUNTUTNYA.

KATANYA, PENYELIDIKAN SIANTIFIK DI BENUA ITU BOLEHLAH DIBENARKAN
TETAPI MEMBERIAMARAN BAHAWA TIDAK BANYAK YANG DIKETAHUI APAKAH YANG
AKAN BERLAKU JIKA PERBUATAN MENGEKSPLOITASI BENUA ITU BERLAKU.

BELIAU BERKATA, MALAYSIA GEMBIRA BAHAWA AUSTRALIA DAN PERANCIS,
DUA NEGARA ANGGOTA PERJANJIAN ANTARTIKA, TELAH MENCADANGKAN
BARU-BARU INI AGAR BENUA YANG DISELUBUNGI SALJI ITU DIISYTIHARKAN
SEBAGAI TAMAN DUNIA.

PENGEMBARA BAWAH LAUT PERANCIS, JACQUES COUSTEAU TELAH JUGA
MENGGESA AGAR BENUA ITU DIISYTIHARKAN RIZAB ALAM SEMULAJADI DAN
MEMBERI AMARAN BAHAWACUACA DUNIA MEMERLUKAN AGAR BENUA ITU DIJADIKAN
RIZAB SEPERTI ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, USAHA ENCIK COUSTEAU LEBIH
BERJAYA DARIPADA USAHA MALAYSIA DALAM MEMUJUK NEGARA-NEGARA ANGGOTA
PERJANJIAN ANTARTIKA ITU.

TEGASNYA: +KAMI TIDAK PEDULI SIAPA YANG BERJAYA MEMUJUK DAN
SIAPA YANG TIDAK ASALKAN ORANG RAMAI TIDAK MENGEKSPLOITASI BENUA
ITU.+ -- BERNAMA

1625MST 16 10 89

~ ~ ~